




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **129 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,595 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu di daerah Papar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 132 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 51,184 orang. Pada hari ini juga sejumlah 800 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 283 orang di hospital, 509 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan lapan (8) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 38 orang dan 13 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Putatan berubah dari zon merah ke zon jingga.
Manakala Daerah Tongod berubah dari zon kuning ke zon hijau.

4 Peningkatan kes pada hari ini disebabkan oleh Kluster Sinsingon di Nabawan yang kini merekodkan jumlah kumulatif sebanyak 29 kes positif COVID-19. Kluster ini juga dikesan telah menular ke daerah lain iaitu Kota Kinabalu dengan tiga (3) kes dan Keningau dua (2) kes.

5 Pada hari ini, **satu (1) kluster** baharu direkodkan.

Kluster Merotai Besar di Daerah Kalabakan pada hari ini mencatat enam (6) kes baharu menjadikan jumlah kumulatif positif COVID-19 sebanyak 26 kes. Kes indeks merupakan penolong penyelia kedai di Mukim Merotai yang disahkan positif COVID-19 melalui saringan bergejala di salah sebuah pusat perubatan di Tawau pada 16 Februari 2021. Susulan kes itu, saringan kontak rapat dan tempat kerja mendapati 26 lagi kes positif yang terdiri daripada ahli keluarga serta rakan sekerja kepada kes indeks. Pengesanan kontak rapat sedang giat dijalankan bagi mengenal pasti punca jangkitan.

- 6 Daripada 129 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 61 kes (47.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 11 kes (8.5%), saringan kluster baharu dan sedia ada 46 kes (35.7%) dan 11 kes (8.5%) adalah dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 sebanyak 785 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,913 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,698 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 14.04%.

B BILLIARD DIBENARKAN DI BAWAH PKPB

Kerajaan Negeri bersetuju MEMBENARKAN aktiviti Billard beroperasi di premis berlesen berkuatkuasa hari ini selaras dengan SOP bidang sukan yang ditetapkan di bawah PKPB.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga 26 Februari 2021, sejumlah **227,117** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 48 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 40,491 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 11 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 20 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda.

- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 172 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 61 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, tiga (3) tangkapan dilakukan iaitu dua (2) tangkapan di bawah Akta Perikanan 1985 manakala satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan rondaan pemantauan pematuhan SOP peringkat komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 422 lokasi melibatkan seramai 154 anggota APM dan 109 anggota RELA.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu daerah Keningau, Semporna dan Kota Belud.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu, pelan Imunisasi COVID-19 dan Proklamasi Darurat telah dilaksanakan di 85 lokasi melibatkan 14 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **94%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	95%
2	Semporna	95%
3	Kunak	95%
4	Sipitang	95%
5	Penampang	94%
6	Sandakan	94%
7	Ranau	94%
8	Keningau	94%
9	Beluran	94%
10	Kota Marudu	94%
11	Tenom	94%
12	Papar	94%
13	Tuaran	94%
14	Beaufort	93%
15	Kota Belud	93%
16	Kota Kinabalu	93%
17	Kinabatangan	93%
18	Lahad Datu	93%
19	Tawau	93%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
26 Februari 2021**